

أنق كونچي شرکا

ANAK KUNCI SYURGA


pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

*abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allah Ta’alam mengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah*

PENDAHULUAN
Nota Kuliah Siri 2 (ms 3-6)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau,Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : idrus.cbtc@yahoo.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِهِ مِنْ شُرُورِ النَّفَّاثَاتِ
أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلَلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لِلَّهِ إِلَّا
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نُفُسٍّ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهُمْ
جَاهَ وَبَثَ مِنْهُمْ أَرْجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ الْأَرْحَامُ ، إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisa'a:1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قُوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ،
وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَحْسَنَ الْهَدِيَّ هَذِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُخْدِثُهَا ، وَكُلُّ مُخْدِثٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ ، وَكُلُّ ضَلَالٌ فِي
¹ النَّارِ .

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'alaihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'alaihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahhu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'alaihi wa sallam* *sallallahu'alaihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118), an-Nasaai(III/104-105), at-Tirmidzi(n0. 1105), Ibnu Majah (no.1892),,al-Hakim(II/182-83),,ath-Thayalisi (no.336), Abu Ya'la(no.5211),ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 danVII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahhu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata; "Khutbah ini adalah sunnah,dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah,fiqh,menasihati orang dan semacamnya..Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahhuhanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah,sebahagian kepada sebahagian yang lainnya..." (*Majmuu' Fataawa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku "Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah" oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Panduan Menggunakan Nota Ini

1. Format syarah matan kitab ini adalah seperti berikut:
 - a. Matan dari kitab “**Anak Kunci Syurga**” adalah dalam saiz 14, *font* “Times New Roman”
 - b. Syarah terhadap matan tersebut dalam saiz 10 *font* “Tahoma”
 - c. Disertakan matan yang akan disyarahkan di mukasurat 4 untuk mendapat gambaran menyeluruh. Bagi yang memiliki kitab,sila rujuk di kitab masing-masing.
2. Saya menyusun syarah terhadap matan Kitab ini dengan memberikan catatan kaki pada point-point yang dikira penting untuk diberikan penjelasan.
3. Nota kaki ini ada yang ringkas dan ada yang panjang sekadar untuk memudahkan pemahaman dan sebagai rujukan sekiranya diperlukan.
4. *Ada pun yang terpenting adalah memberi perhatian terhadap apa yang disampaikan semasa kuliah dan membuat catatan dalam kitab masing-masing.*
5. Adalah amat-amat disarankan setiap tuan/puan memiliki kitab “**Anak Kunci Syurga**”,sebagai rujukan setiap kali menghadiri kuliah ini. (sila rujuk nota terdahulu tentang adab-adab menuntut ilmu)

Semoga bermanfaat nota penjelasan terhadap matan ini dan apa yang telah disampaikan dapat difahami dengan jelas dan benar. Sekiranya ditemui sebarang kemosykilan atau kesilapan harap tuan/puan *rahimahullah* dapat segera memaklumkan kepada saya agar dapat diperbetulkan dengan segera.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 3-6

Hanyasanya mendatangkan hamba akan dalil-dalil daripada Al Quran dan Hadith Nabi, kerana Ahli As Sunnah tiada berpaling mereka itu daripada nash yang shahih,dan membangkang mereka itu akan dia dengan dalil ‘aqal dan tiada dengan perkataan seseorang.

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةً إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمْ الْحِيَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ

صَلَالًا مُّبِينًا ﴿٤﴾

Ertinya :“*Dan tiada ada bagi orang yang beriman yang lelaki dan yang perempuan apabila menghukum oleh Allah Ta’ala dan RasulNya,bahawa ada bagi mereka itu memilih daripada pekerjaan..”*

(al Ahzab:36)

Dan kerana tiada ada jalan yang lebih baik dan yang lebih mudah pada mengenal Allah Ta’ala daripada jalan RasulNya (yang tiada bertutur ia daripada hawa nafsu,tiada ada barang yang mendatangkan ia akan dia melainkan wahyu yang diberitahu kepadanya) dan tiada menolak akan segala hadith Nabi melainkan *Al Jahmiyyah,Al Mu’attilah,Al Mu’tazilah* dan *Ar Rafidah*, yang berkata mereka itu,’**Dalil-dalil naqliyyah tiada memberi faedah akan yakin**’, maka menutup mereka itu atas segala hati manusia akan pintu mengenal Allah Ta’ala dan sifatNya dengan jalan dan petunjuk Rasulullah *sallallahu’alaihi wa sallam*.

Dan **memalingkan mereka itu akan manusia** kepada barang yang menamakan mereka itu akan dia dengan segala hujah yang bangsa ‘**aqal dan segala dalil yang bangsa yakin**. Dan tiada ada ia atas yang *tahqiq* melainkan aluan-aluan.

كَسَرَابٌ بِقِعَةٍ تَخَسِّهُ الظَّمَآنُ مَاءً حَتَّى إِذَا حَاهَهُ لَمْ تَجِدْهُ شَيْئًا

Ertinya :“*Seperti aluan-aluan di tengah padang (pancaran matahari dilihat di tengah padang pada tengah hari seperti air yang deras) yang menyangka akan dia oleh yang dahaga akan air,hingga apabila datang ia akan dia,nescaya tiada mendapat ia akan dia akan sesuatu.”* (an Nur:39).

Tiada mengetahui mereka itu akan bahawa ayat Al Quran dan Hadith *Mutawatir*, bahkan hadith *Ahad* apabila menerima akan dia oleh umat, nescaya memberi faedah ia akan ‘ilmu yang bangsa yakin pada sisi jumhur umat Muhammad. Bahkan ia satu bahagian daripada dua bahagi hadith-hadith yang *Mutawatir*. Dan tiada ada antara ‘ulama’ Salaf pada yang demikian itu bersalah-salah.

Berkata Ath Thahawi, *rahimahullah*:

فَاعْنَهُ مَا سَلَمَ فِي دِينِهِ إِلَّا مِنْ سَلَمَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَلِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Ertinya: “Maka bahwasanya tiada sejahtera pada agamanya melainkan mereka yang menerima ia bagi Allah ‘Azza wa Jalla dan bagi RasulNya.”

Ertinya; menerima ia akan segala makna Al Quran dan Hadith.Hadith Nabi,tiada membangkang ia atasnya dengan katanya .”Dalil ‘*aqli* menunjuk ia atas lawan barang yang menunjuk oleh dalil ‘*aqli*. Maka apabila berlawanan keduanya,nescaya mendahulukan kami akan dalil ‘*aqli*.”

Tiada mengetahui ia akan bahwasanya dalil ‘*aqli* yang shahih tiada berlawan ia dengan dalil *naqli* yang shahih. Menceritakan Al Bukhari daripada Imam Muhammad bin Shihab Az Zuhri *rahimahullah* Ta’ala,berkata ia:

مِنْ الرَّسُولَةِ وَمِنْ الرَّسُولِ الْبَلَاغُ وَعَلَيْنَا التَّسْلِيمُ

Ertinya: ”*Daripada Allah Ta’ala mengutus, dan daripada Rasulullah menyampaikan, dan wajib atas kita menerima.”*

Berkata asy Syeikh Abdul Qadir al Mandili rahimahullah :

Hanyasanya mendatangkan hamba akan dalil-dalil daripada Al Quran² dan Hadith³ Nabi, kerana Ahli As Sunnah⁴ tiada berpaling mereka itu daripada nash yang shahih,dan membangkang mereka itu akan dia dengan dalil ‘aqal dan tiada dengan perkataan seseorang.

² **Al Quran** adalah kalam Allah Ta’ala yang diturunkan/diwayukan kepada Nabi *sallallahu’alaihi wa sallam* secara beransur-ansur menerusi perantaraan malaikat Jibril *alaihissalam* selama lebih kurang 23 tahun,dikumpulkan secara lengkap dari surah al Fatihah dan ditutup dengan surah an Naas, terdiri dari 114 surah dan diklasifikasikan kepada 30 juzu’,diriwayatkan secara *mutawatir* ,membacanya diberikan pahala dan merupakan sumber dan panduan wajib umat Islam dalam menunaikan kewajiban sebagai seorang hamba.

- Menjadi kewajiban umat Islam untuk mengetahui tentang 6 Hak yang wajib mereka tunaikan dan laksanakan terhadap Al Quran iaitu (1) Mengimaniya dengan benar, 2) Membacanya dengan Tartil, 3) Memahami Isikandungnya, 4) Menerapkannya/Mengamalkannya dalam kehidupan , 5)Mendakwahkannya kepada orang lain dan 6) Mempertahankan Kebenaran dan Kesucian al Quran!

³ **Al Hadith** adalah “*segala apa yang disandarkan kepada Nabi sallallahu’alaihi wa sallam,baik berupa ucapan,perbuatan,sifat,dan pengakuan,baik sebelum diutusakan sebagai rasul atau selepas perutusan.*” Berdasarkan kepada definisi ini,maka hadis terbahagi kepada 4 jenis iaitu ;

- i. Hadith *Qauli* (perkataan)
- ii. Hadith *Fili* (perbuatan)
- iii. Hadith *Taqrirri* (ketetapan)
- iv. Hadith *Washfi* (sifat)

Hadith adalah sumber kedua setelah al Quran selain sebagai penjelas apa-apa yang telah diturunkan di dalam al Quran.Barangsiapa yang mengingkari hadith,maka ia telah mengingkari agamanya!

Untuk penerangan lebih lanjut sila rujuk buku berikut:

- a) Abdul Mannan Ar-Rasikh,**KAMUS ISTILAH ISTILAH HADITS**,Darul Falah,2003
- b) Rosmawati Ali@Mat Zin, **Pengantar ULUM HADIS**,Ilham Abati Press,1997

⁴ Adalah mereka yang berpegang teguh pada sunnah Nabi Muhammad *sallallahu’alaihi wa sallam*, para sahabatnya dan orang-orang yang mengikuti jejak dan jalan mereka,baik dalam hal aqidah,perkataan maupun perbuatan,juga mereka istiqamah dalam *berittibâd* (mengikuti Sunnah Nabi *sallallahu’alaihi wa sallam*) dan menjauhi bid’ah.Mereka itulah golongan yang tetap menang dan sentiasa ditolong oleh Allah *subhanahu wa Ta’ala* sampai hari kiamat .

Istilah ini **sudah ada dan dikenal di tiga kurun pertama** lagi seperti yang diungkapkan oleh Ibnu Abbas *radilallahhu’anhuma* ketika menafsirkan ayat :

بِيَوْمَ تَبَيَّنَتْ وُجُوهُهُوَوْجُوهٌ فَمَا مَنَّ الَّذِينَ آسَوَّا وَمَنْ فَدَّوْقُوا لَعْدَابًا بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٥﴾

"(ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Ada pun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (Mereka akan ditanya secara menempelak): "Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu". (*al-Imran 3:106*)

“Adapun orang yang putih wajahnya, mereka adalah Ahlus Sunnah wal Jamaah, ada pun orang yang hitam wajahnya, mereka adalah ahlu bid’ah dan sesat.”

(rujuk Tafsir Ibnu Katsir (I/419 cetakan Darus Salam) dan Syarah *Usul I’tiqad Ahlis Sunnah wal Jamaah* (I/79 no. 74)) oleh al Lilaka'i *rahimahullah*

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمْ أَحْيَرَةٌ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن

يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Ertinya : “Dan tiada ada bagi orang yang beriman yang lelaki dan yang perempuan apabila menghukum oleh Allah Ta’ala dan RasulNya,bahawa ada bagi mereka itu memilih daripada pekerjaan..”
(al Ahzab:36)⁵

⁵ Ini merupakan kaedah atau prinsip yang dipegang oleh asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* iaitu kitab yang disusunnya ini adalah bersumberkan daripada dalil-dalil al Quran dan Hadith-hadith yang shahih,dan inilah jalannya Ahli Sunnah wal Jamaah.Dan asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* membawakan ayat ke 36 dari surah al Ahzab;

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمْ أَحْيَرَةٌ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

“Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak(pula) bagi perempuan yang mukminah,apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu keperluan,akan ada bagi mereka pilihan(yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa mendurhakai Allah dan RasulNya,maka sesungguhnya dia telah sesat,sesat yang nyata.” (al Ahzab 33:36)

(dalil lain yang semakna dengan ayat ini boleh ditemui pada : an Nisaa’:56, al Hujuraat:1, al Qashash:50, al Maidah:104, al A’raaf:3)

Dan dengan prinsip inilah para *aimmah* kita berjalan (seperti al Imam Hanafi,Malek,Syafie dan Ahmad *rahimahollah ajma’in*) di atasnya dalam beragama dan mereka merupakan contoh terbaik dalam menerapkan prinsip yang dinyatakan oleh asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* ini – “**Ahli As Sunnah tiada berpaling mereka itu daripada nash yang shahih,dan membangkang mereka itu akan dia dengan dalil ‘aqal dan tiada dengan perkataan seseorang.**

Dan berikut ini merupakan contoh-contoh ucapan dan pesanan mereka kepada kita semua;

- a) Imam Abu Hanifah *rahimahullah* (80H/699M -150H/767M)
 - Tidak halal bagi seseorang mengambil pendapat kami,selagi ia tidak mengetahui dari mana kami mengambilnya.
 - Apabila aku mengemukakan pendapat yang bertentangan dengan A-Quran dan Hadis Rasulullah *sallallahhu’alaihiwassalam*,maka tinggalkanlah pendapatku itu!
- b) Imam Malik bin Anas *rahimahullah* (93H/711M – 179H/769M)
 - Tidak ada seorang pun sesudah Nabi *sallallahhu’alaihi wa sallam* melainkan pendapatnya dapat diterima dan ditolak melainkan ucapan Nabi *sallallahhu’alaihiwassalam*
 - Aku hanyalah seorang manusia yang terkadang salah dan terkadang benar.Maka telitilah pendapatku itu.Semua pendapatku yang sesuai dengan Al-Quran,ambillah dan semua pendapatku yang bertentangan dengan Al-Quran dan As Sunnah maka tinggalkanlah.
- c) Imam Asy-Syafi’i *rahimahullah* (150H/767M – 204H/820M)
 - Setiap hadis yang datang dari Nabi *sallallahhu’alaihi wa sallam*,maka itulah pendapatku,sekalipun kalian belum pernah mendengarnya langsung dariku.

Dan kerana tiada ada jalan yang lebih baik dan yang lebih mudah pada mengenal Allah Ta'ala⁶ daripada jalan RasulNya⁷ (yang tiada bertutur ia daripada hawa

- Setiap orang harus bermazhab kepada Sunnah Nabi *sallallahu'alaihi wa sallam* dan mengikutinya. Apapun pendapat yang aku katakan atau sesuatu yang aku katakan itu berasal dari Rasulullah *sallallahu'alaihi wa sallam*, tetapi ternyata berlawanan dengan pendapatku, maka apa yang disabdakan oleh Rasulullah *sallallahu'alaihiwassallam* itulah menjadi pendapatku.

d) **Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah** (164H/781M – 241H/856M)

- Janganlah bertaklid kepadaku atau kepada Malik, Asy-Syafi'e, Al-Auza'i dan Ats-Tsauri. Tetapi ambillah dari mana mereka mengambil.
- Barangsiapa yang menolak hadis Rasulullah *sallallahu'alaihi wassallam*, maka dia berada di jurang kehancuran.

Kesimpulan Penting :

Dari perkataan dan pesanan para *aimmah mazahib rahimahullah* di atas, maka : "Segala perkataan yang datang dari sesiapa sahaja samada ia seorang yang ditokohkan, pemimpin, para alim Ulama', Habib , Syeikh , Tuan Guru,Kiyai, ,Ustaz ,Ustazah dan seumpamanya,maka wajib ditimbang dengan neraca al Quran dan al Hadith shahihah, maka sekiranya bertepatan dengan kedua-dua sumber tersebut,maka wajib kita berpegang teguh dengannya,namun sekiranya bertentangan dengan kedua sumber tersebut,maka wajib kita tinggalkan pendapat mereka."

Dan ini merupakan peringatan dan prinsip penting bagi kita semua, terkhususnya di zaman ini, dalam menerapkan dan mengamalkan agama kita al Islam baik dalam aqidah , ibadah, akhlaq, muamalat, bermasyarakat, bernegara dan segala ruang lingkup kehidupan mestilah ditegakkan atas dalil-dalil yang bersumberkan al Quran dan al Hadis yang shahih menurut pemahaman yang benar dari sisi Ahli Sunnah wal Jamaah. Semoga prinsip ini,kita laksanakan dalam urusan beragama kita. Firman Allah Ta'ala:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِنَّ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَيَّ الرَّسُولُ قَالُوا حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ أَوْلَوْ كَانَ إِبَاؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْئًا وَلَا

يَعْتَدُونَ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah mengikuti kepada apa yang telah diturunkan oleh Allah (Al-Quran), dan kepada RasulNya (yang menyampaikannya)", mereka menjawab: "Cukuplah bagi kami apa yang kami dapati datuk nenek kami mengerjakannya". Adakah (mereka akan menurut juga) sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui apa-apa dan tidak pula mendapat hidayah petunjuk?" (al Maida 5 :104)

Untuk penerangan lebih lanjut sila rujuk buku berikut:

- a) KH Moenawar Chalil,**KEMBALI KEPADA AL QURAN DAN AS SUNNAH**,Bulan Bintang,1987
- b) KOMPILASI PARA ULAMA,Tegar di Atas Sunnah Ibarat Menggenggam Bara Api,Media Tarbiyah,2010

⁶ Mengenal Allah Ta'ala (*Ma'rifatullah*) adalah merupakan ilmu yang membahaskan tentang Dzat,Sifat-Sifat dan Perbuatan Allah Ta'ala yang wajib dipelajari (*fardhu 'Ain*) dan diketahui oleh semua umat Islam yang *mukallaf*.

⁷ Jalan yang tepat dan benar dalam mengenali , mentauhidkan dan beribadah kepada Allah Ta'ala adalah hanya dengan merujuk kepada Al Quran dan al Hadith yang shahih menurut pemahaman ahli sunnah wal jamaah (**di atas mazhab Salaf**), bukan seperti kelompok-kelompok yang sesat dan menyimpang dari jalannya Ahli Sunnah wal Jamaah seperti yang dicontohkan oleh asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* iaitu *Jahmiyyah,Mu'athhilah, Mu'tazilah* dan *Rafidhah*, kerana punca

nafsu,tiada ada barang yang mendatangkan ia akan dia melainkan wahyu yang diberitahu kepadanya) dan tiada menolak akan segala hadith Nabi melainkan *Al Jahmiyyah, Al Mu'attilah, Al Mu'tazilah* dan *Ar Rafidah*, yang berkata mereka itu⁸, 'Dalil-dalil naqliyyah tiada memberi faedah akan yakin', maka menutup

kesesatan/kegelinciran mereka adalah lebih mengandalkan/mengutamakan 'aqal daripada al Quran dan al Hadith shahih!

Rasulullah *sallallahu'alaihi wa sallam*) merupakan insan yang paling mengetahui tentang Allah Ta'ala dan merupakan insan yang tepat dan jelas manhajnya dalam menjelaskan tentang Allah Ta'ala kepada kita kerana Rasulullah *sallallahu'alaihi wa sallam*) tidak berucap dari dirinya atau hawa nafsunya seperti yang difirmankan oleh Allah Ta'ala :

وَمَا يَطْلُقُ عَنِ الْهُوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ بُوحٌ ﴿٥٣﴾

"Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan Islam) menurut kemauhan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadaNya." (an Najm 53:3-4).



Oleh itu para ulama salaf telah memberikan kita kaedah dalam memahami Sifat-sifat Allah Ta'ala yang kita temui dalam al Quran dan al Hadith Shahihah seperti mana yang dirumuskan oleh asy Syeikh Abdul Qadir rahimahullah dalam kitabnya yang lain iaitu "**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**" pada mukasurat 31-46,yang saya ringkaskan seperti berikut;

Kaedah 1:

Percaya dan membenarkan akan sekalian yang datang di dalam al Quran dan segala hadis yang shahih daripada segala nama dan sifat Allah Ta'ala .

Kaedah 2:

Dan mensifatkan Allah Ta'ala dengan dia atas hakikat,dengan ketiadaan menyerupakan dan memalingkan daripada zahirnya ("Mengambil Zahir ayat/lafaz")

Kaedah 3:

Wajib atas tiap-tiap mukallaf mensifatkan Allah Ta'ala dengan barang yang mensifatkan Ia dengan dia akan dirinya. Dan dengan barang yang mensifatkan dengan Dia oleh Rasul-Nya.

Untuk penjelasan yang lebih terperinci berkaitan prinsip-prinsip di atas, sila rujuk buku berikut;

- a) Asy Syeikh Abdul Qadir Muhammad bin Shalih Al-'Utsaimin, **Mengenal Pokok-pokok Keyakinan Ahlus Sunnah**, Hikmah Ahlus Sunnah,2007
- b) Asy Syeikh Abdul Qadir Muhammad bin Shalih Al-'Utsaimin,**Aqidah Salaf Di Dalam Nama-Nama Dan Sifat-Sifat Allah Ta'la**, Pustaka Sumayyah,2007
- c) Alawy bin Abdul Qadir As-Segaf,**Mengungkap Kesempurnaan Sifat-Sifat Allah Dalam Al-Quran & As-Sunnah**,Pustaka Azzam,2000

⁸Ke-empat-empat kelompok sesat ini seperti mana yang disebut oleh asy Syeikh Abdul Qadir rahimahullah iaitu :

- *Al Jahmiyyah* : Mereka yang mengikuti akan Jahm bin Safwan,
- *Al-Mu'attilah* : Puak yang mengkosongkan Allah Ta'ala daripada segala sifat seperti *Al-Jahmiyyah*,
- *Al-Mu'tazilah* : 'Umar bin 'Abid dan Wasal bin 'Atha' dan yang mengikuti keduanya dinamakan mereka itu dengan *Al-Mu'tazilah* kerana menjauahkan diri mereka itu daripada Muslimin,
- *Ar Rafidah* : Satu puak daripada Sy'ah negeri Kufah yang meninggalkan mereka itu akan Zaid Ibnu 'Ali kerana melarang ia akan mereka itu daripada mencela sahabat *radiallahhu'anhum*, *Ar Rafidah*

mereka itu atas segala hati manusia akan pintu mengenal Allah Ta'ala dan sifatNya dengan jalan dan petunjuk Rasulullah. Dan **memalingkan mereka itu akan manusia** kepada barang yang menamakan mereka itu akan dia **dengan segala hujah yang bangsa ‘aqal dan segala dalil yang bangsa yakin.** Dan tiada ada ia atas yang *tahqiq* melainkan aluan-aluan.⁹

كَسَرَابٌ بِقِيَعَةٍ تَحْسِبُهُ الظَّمَانُ مَا إِنَّهُ إِذَا جَاءَهُ رَمَّتْجَدَهُ شَيْئًا ...

Ertinya : “Seperti aluan-aluan di tengah padang (pancaran matahari dilihat di tengah padang pada tengahari seperti air yang deras) yang menyangka akan dia oleh yang dahaga akan air,hingga apabila datang ia akan dia,nescaya tiada mendapat ia akan dia akan sesuatu.” (an Nur:39).

Tiada mengetahui mereka itu akan bahawa ayat Al Quran dan Hadith Mutawatir, bahkan **hadith Ahad** apabila menerima akan dia oleh umat, nescaya memberi faedah ia akan ‘ilmu yang bangsa yakin pada sisi jumhur umat Muhammad. Bahkan ia satu bahagian daripada dua bahagi hadith-hadith yang Mutawatir¹⁰. Dan tiada ada antara ‘ulama’ Salaf¹¹ pada yang demikian itu bersalah-salahan.

: Satu puak daripada Sy'ah negeri Kufah yang meninggalkan mereka itu akan Zaid Ibnu 'Ali kerana melarang ia akan mereka itu daripada mencela sahabat *radiallahhu'anhum*.

Perincian perbahasan tentang kelompok/firqah-firqah sesat yang menyimpang dari Ahli Sunnah wal Jamaah boleh dirujuk dalam kitab-kitab *Dirasatal Firaq* seperti;

- a) Abul Hassan Isma'il al-Asty'ari, **Prinsip-Prinsip Dasar Aliran Teologi Islam**, Pustaka Setia,1998
- b) Imam Shahrestani, **Agama dan Ideologi** DBP,2006
- c) Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah, **MEMBEDAH FIRQOH-FIRQOH SESAT** ,Al-Qowam,2006
- d) Tim Ulin Nuha Ma'ahad Aly An-Nur, **DIRASATUL FIRAQ**, Pustaka Arafah,2010

Punca kesesatan mereka adalah kerana berpegang dengan prinsip **‘Dalil-dalil naqliyyah tiada memberi faedah akan yakin..’ lalu mereka menolak hadith-hadith shahih dalam hal yang berkaitan dengan aqidah!**

9 (aluan-aluan ialah *fatamorgana*) : Kaedah yang diterapkan oleh empat kelompok sesat yang dicontohkan dan juga yang sealiran dengannya prinsip mereka dalam membicarakan tentang Sifat-sifat Allah Ta'ala adalah lebih mendahului dan menggunggulkan ‘aqal berbanding naql (al Quran dan al Hadith shahihah) kerana mereka ini sangat terpengaruh dengan ahli falsafah Yunani dan ilmu Kalam!

Kaedah mereka ini dinamakan “*Qanun al Kull*”,sebagaimana yang akan diterangkan pada point no.14, insyAllah.

10 Dalam Ilmu Hadis atau *ilmu Mustholah* Hadis dibincangkan dengan terperinci tentang pembahagian atau kategori hadis kepada 2 kategori iaitu :

i. **Hadis Mutawatir**

- a. *Mutawatir* ertinya adalah ‘yang berturut-turut” dan dari sudut istilah adalah
 - ✓ Hadith yang diriwayatkan oleh ramai orang
 - ✓ Kemudian diterima oleh ramai orang yang semisalnya
 - ✓ Yang menurut adat mustahil mereka bersepakat untuk berdusta

ii. **Hadis Ahad**

- a. **Aahaad** ertinya Satu,bentuk jamak dari Ahad.,dan dari sudut **istilah** adalah
- ✓ Hadith yang bukan mutawatir,yakni hadith yang tidak memenuhi persyaratan hadith mutawatir.
 - ✓ Hadith Ahad terbahagi kepada 3 jenis iaitu;
 1. Hadith *Masyhur* (satu hadith yang diriwayatkan oleh 3 orang sahabat atau lebih)
 2. Hadith *'Aziz* (satu hadith yang diriwayatkan oleh dua orang sahabat)
 3. Hadith *Gharib* (satu hadith yang diriwayatkan dengan satu sanad atau satu hadith yang seorang rawi menyendiri di dalam meriwayatkannya meskipun setelah itu ia menjadi masyhur)

Faedah :

- ❖ Hadith Ahad ini menjadi dasar hukum dalam agama kita menurut kesepakatan Ahlus Sunnah wal Jamaah baik dalam bidang 'Aqidah maupun 'ibadah.
- ❖ Hadith Ahad ini berfaedah ilmu bukannya dzan!
- ❖ Di dalam hadith Ahad inilah adanya pembahagian darjat hadith Shahih,Hasan dan Dha'if.

Berkaitan kehujahan Hadith Ahad di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah sila rujuk perinciannya dalam kitab yang sangat baik iaitu ;

- a) M.Nashiruddin Al Bani, **Hadits Sebagai Landasan Akidah Dan Hukum**,Pustaka Azzam,1987
- b) Abu Usamah Salim bin 'Ied al Hilaly,**Hadits Ahad Hujjah Dalam Hukum dan Aqidah**,Pustaka As Sunnah,2006

Untuk penjelasan lebih lanjut tentang Ilmu Hadith ini, bolehlah merujuk kepada buku-buku *Mustholah al Hadis* seperti berikut ;

- a) al Hafidz Ibnu Hajar al Asqalani *rahimahullah*, **Nukhbah al Fikar**
- b) Muhammad bin Ibrahim Khiraj As-Salafi Al-Jazairy **Syarah Al Mandzumah Al Baiquniyah** , ,Maktabah Al-Ghuropa',2008
- c) Ibnu Nashiruddin Ad-Dimasyqi ,**Mutiara Ilmu Atsar** ,AKAR,2008
- d) Manna' Khalil Al-Qathan,**Cara Mudah Memahami Ilmu-Ilmu Hadith**,Pustaka Jiwa,2006
- e) A.Qadir Hassan,**Ilmu Musthalah Hadits**,C.V. Diponegoro Bandung,1990

11 Kata 'Salaf**' dari sudut :**

- **bahasa** ialah 'yang telah berlalu dan mendahului ertinya kelompok pendahulu atau suatu kaum yang mendahului dalam perjalanan.
- **Istilah** ialah generasi pertama dan terbaik dari ummat(Islam) ini,yang terdiri dari para Shabat,Tabi'in,Tabi' tabi'in dan para imam pembawa petunjuk pada tiga kurun pertama(generasi/masa) pertama yang dimuliakan oleh Allah Ta'alā spertimana yang dinyatakan oleh Rasulullah ;

خير الناس قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم

"Sebaik-baik manusia adalah (orang yang hidup) pada masaku ini(yakni generasi sahabat),kemudian yang sesudahnya (generasi tabi'in),kemudian yang sesudahnya (generasi Tabi' tabi'in)." (HR Bukhari-no.2652&Muslim-no.2533 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahhu'anhu*.)

- Oleh itu Ulama Salaf adalah mereka yang mengikut dan berpegang teguh dengan *manhaj* (jalan/prinsip/cara/pemahaman) para pendahulu mereka walau pun mereka berada di tempat dan masa yang berbeza! Ini spertimana yang difirmankan oleh Allah Ta'alā:

وَالسَّيِّقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ أَتَبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَ اللَّهُمْ

جَنَّتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلَدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Berkata Ath Thahawi¹² *rahimahullah*:


فَاعْنَهُ مَا سِلْمٌ فِي دِينِهِ لَا مِنْ سِلْمِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَلِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Ertinya: “*Maka bahwasanya tiada sejahtera pada agamanya melainkan mereka yang menerima ia bagi Allah ‘Azza wa Jalla dan bagi RasulNya.*”¹³

Ertinya; menerima ia akan segala makna Al Quran dan Hadith.Hadith Nabi,tiada membangkang ia atasnya dengan katanya :”**Dalil ‘aqli menunjuk ia atas lawan barang yang menunjuk oleh dalil ‘aqli. Maka apabila berlawanan keduanya,nescaya mendahulukan kami akan dalil ‘aqli.**”¹⁴

“Dan orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama(masuk islam) dari orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang mengikuti (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat dan manhaj), Allah redha pada mereka dan mereka pula redha kepada Allah, dan Allah menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.” (at Taubah 9:100).

¹² **Biografi Imam Ath Thahawi** *ابو جعفر*; (239H-321H) – 82tahun



Beliau bernama **Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin Abdul Malik Al Azdi Al Hajari Al Mishri Ath Thahawi**. Dikenal dengan kunyah, **Abu Ja'far**. Berasal dari Mesir, tepatnya sebuah desa di kawasan ash-Sha'id, yang dikenal dengan Thaha; dan kepada desa inilah beliau dinisbatkan, sehingga beliau dikenal dengan **Ath Thahawi**. Lahir pada tahun 239H.Berguru dengan ramai ulama besar seperti **al Muzani** dan **ar-Rabi'** bin Sulaiman al-Muradi (murid besar imam asy Syafi'e rahimahullah), Al-Imam **Abu Bakar bin Abu Dawud** as-Sijistani dan ramai lagi.Meninggalkan **lebih dari tiga puluh kitab meliputi** bidang aqidah, tafsir, hadis, fiqh, dan tarikh.. Diantaranya adalah *Syarh Ma'ani al-Atsar*, *Sunan asy-Syafie*, **Al-Aqidah ath-Thahawiyah** dan *Ahkamul Qur'an*.Belliau rahimahullah meninggal pada tahun 321H di Mesir.

¹³ Ini merupakan perkataan al Imam ath Thahawi rahimahullah yang dinukil dari kitab syarah terhadap matan *Aqidah ath Thahawiyah* yang diberi nama “**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**” yang juga dikarang oleh asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* , pada mukasurat 118-126 point yang ke-38 terbitan Al-Hidayah (maka silalah merujuk ke kitab ini)

¹⁴ **Kaedah ini menyatakan** :-

“**Dalil ‘aqli menunjuk ia atas lawan barang yang menunjuk oleh dalil ‘aqli. Maka apabila berlawanan keduanya,nescaya mendahulukan kami akan dalil ‘aqli.**” dikenali di kalangan Ahli kalam (mereka yang membahas ilmu Kalam) sebagai “**al Qanun al Kulli** (*Kaedah Sejagat/Universal Method*) yang mereka rumuskan sebagai :

“Apabila berlaku pertentangan di antara akal dan naqal maka hendaklah diunggulkan aqal di atas naqal kerana adalah dalil-dalil aaqal bersifat *Qath'i* (jelas lagi pasti) manakala dalil-dalil *naqa*/hanyalah bersifat *Dzanni*(samar-samar lagi meragukan).”

Maksud Kaedah Ini di sisi mereka adalah:

- ➊ Tiadalah dalil-dalil *naqal* itu dapat difahami melainkan melalui jalan aqal,maka kerana itu adalah aqal bersifat lebih utama dan harus diunggulkan daripada naqal.

- ✚ Lebih dari itu yang memastikan maksud sesuatu dalil naqli adalah aqal,maka dengan itu aqal bersifat pasti(*Qath'i*) manakala naql bersifat samar-sama(*Dzanni*).

Bantahan Terhadap Kebatilan Kaedah Ini:

1. Aqal adalah makhluk Allah Ta'ala manakala naql adalah ilmu Allah Ta'ala yang merupakan salah satu sifat-Nya sejak azali lagi.Mustahil aqal makhluk lebih utama dan dikedepankan diatas sifat Allah Ta'ala!

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِنْهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْمَلُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحْاطَ بِكُلِّ

شَيْءٍ عِلْمًا

“Allah-lah yang menciptakan tujuh lapis langit dan seperti itulah pula bumi.Perintah Allah berlaku padanya,agar kamu mengetahui bahawasanya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu, dan sesungguhnya Allah,ilmunya benar-benar meliputi segala sesuatu.” (**at Thalaq 65:12**)

Dalam ayat ini,dibezakan antara sesuatu yang diciptakan oleh Allah Ta'ala dan sesuatu yang merupakan sifat-sifat Allah Ta'ala di mana yang dicipta itu tunduk kepada perintah Kekuasaan dan Ilmu yang Mencipta,yakni Allah Ta'ala.Demikian juga,aqal adalah suatu ciptaan Allah Ta'ala dan adalah ia berada di bawah taklukan Kekuasaan dan ilmu Allah Ta'ala.

2. Dalil-dalil naql dengan sendirinya telah meletakkan aqal di tangga kedua selepas naql berdasarkan firman Allah Ta'ala:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِلَافِ الْلَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لَّا يُؤْلِمُ الْأَلْبَابِ

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, terdapat tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.” (**al Imran 3:190**)

كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَدَبَرُوا إِيمَانَهُ وَلَيَتَدَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

“Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayat-Nya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai aqal.”

(Shad 38:290)

Contoh di dua ayat ini,merupakan dalil naql yang telah memerintah “*Ulu'l al-Bab*”,iaitu kita semua yang memiliki aqal dengan beberapa perintah tertentu.Sekiranya dikatakan aqal mengatasi naql,maka bagaimana mungkin dalil naql membebankan perintah ke atas aqal? Hal ini pasti tidak munasabah dan ini tidak lain menunjukkan bahawa dalil naql memiliki kedudukan yang lebih tinggi dari dalil aqal!

3. Apabila wujudnya '**pertentangan**' sebagaimana dakwa ahli kalam,maka Allah Ta'ala telah menjelaskan kaedah untuk menghilangkan 'pertentangan' tersebut,iaitu dengan kembali kepada merujuk kepada al Quran dan as Sunnah. Allah Ta'ala tidak memerintahkan kita merujuk kepada aqal!

فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَأَرْسُولِهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْأَرْسُولِ الْأَخْرَى ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحَسْنُ تَأْوِيلًا

“Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikan ia kepada Allah (al Quran) dan Rasul(al Sunnah),jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian.Yang demikian itu lebih utama(bagimu) dan lebih baik akibatnya.”(**al Nisaa' 4:59**)

4. Menjadikan aqal mengatasi naql sehingga aqal tersebut bertindak sebagai 'Hakim' terhadap sesuatu dalil naql adalah suatu kesalahan besar kerana Allah Ta'ala berfirman:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَرْعَمُونَ أَنْهَمْ ءَامْنُوا بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَكَّمُوا إِلَى الظَّنُوغُوتِ وَقَدْ أُمْرُوا أَنْ يَكُفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَنْ يُضْلِلَهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا

*“Apakah kamu tidak memerhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak **berhakim kepada thagut**, padahal mereka telah diperintah mengingkari thagut itu. Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka dengan) penyesatan yang sejauh-jauhnya.” (al Nisaa’ 4:60)*

Taghut adalah segala sesuatu selain Allah Ta’ala yang dijadikan hakim dalam menentukan urusan-urusan risalah Islam yang mulia ini.

5. Aqal manusia terbatas dan jahil serta sangat terhad pengetahuannya terhadap banyak perkara terkhusus perkara ghaib sepertimana firman Allah Ta’ala;

إِنَّهُ كَانَ طَلُومًا جَهُولًا

“Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh.” (al Ahzab 33:72)

Di sisi penilaian Allah Ta’ala, manusia dianggap sebagai makhluk yang jahil serta tidak tahu dan bodoh. Manakala sesama mereka, mereka menganggap diri mereka sebagai yang terpandai, paling bijak dan pintar! Anggapan mereka ini sangat relatif sesama mereka dan tidak dapat dijadikan ukuran untuk dibandingkan sama sekali dengan Ilmu Allah Ta’ala!

Firman Allah Ta’ala:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا حَلَفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِ عِلْمًا

“Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya.” (Ta Ha 20:110)

6. Ahli kalam yang mengunggulkan aqal atas naqal sepatutnya mengambil pelajaran dari kisah keengganahan dan pengingkaran iblis untuk sujud kepada Adam ‘alaihissalam setelah diperintahkan oleh Allah Ta’ala atas alasan dia lebih mulia kerana diciptakan dari api manakala Adam daripada tanah! Iblis mengunggulkan aqalnya berbanding naqal (perintah Allah Ta’ala) mengakibatkan iblis dilaknat oleh Allah Ta’ala dan kekal di dalam neraka selama-lamanya.

فَالَّذِي تَبَلِّغُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدِي أَسْتَكْبِرَتْ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالَمِينَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ حَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَحَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ

“Allah berfirman: “Hai iblis, apakah yang menghalangi kamu untuk sujud kepada yang telah Ku ciptakan dengan kedua Tangan-Ku. Apakah kamu menyombongkan diri ataukah kamu (merasa) termasuk orang-orang yang (lebih) tinggi.” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripadanya, kerana Engkau ciptakan aku dari api, sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah.” Allah berirman: “Maka keluarlah kamu dari syurga; sesungguhnya kamu adalah orang yang terkutuk.” (Shad 38:75-77)

7. Jika kita menerima bahwasanya aqal lebih diunggulkan dari naqal, maka dengan aqal siapakah kita akan berpegang atau dirujuk untuk menimbang kebenaran dalil naqal? Kenyataannya aqal manusia berbeza-beza bahkah saling bertentangan bahkan sangat bervariasi bergantung kepada tahap kecerdikan, pendidikan, pengaruh persekitaran, teman dan pelbagai lagi faktor!

Tiada mengetahui ia akan bahwasanya dalil ‘aqli yang shahih tiada berlawan ia dengan dalil naqli yang shahih. Menceritakan Al Bukhari¹⁵ daripada Imam Muhammad bin Shihab Az Zuhri¹⁶ *rahimahullah* Ta’ala, berkata ia:

من الله الرسالة ومن الرّسول البلاغ وعليها التسلية

Ertinya: “*Daripada Allah Ta’ala mengutus, dan daripada Rasulullah menyampaikan, dan wajib atas kita menerima.*”¹⁷

Perhatian:

Untuk mendapatkan kejelasan terhadap matan dan apa yang telah disampaikan dengan lebih lanjut ,amat-amat disarankan tuan/puan *rahimahullah* membuat pembacaan selanjutnya dengan merujuk kepada buku-buku yang dicadangkan.

Sekiranya tuan/puan *rahimahullah* ingin merujuk terus kepada sumber kitab-kitab berbahasa Arab bolehlah melayari website berikut:

- www.almeshkat.com
 - www.alwaqfeya.com
-

8. Di antara bukti yang terang benderang bahawa batilnya mendahuluikan dalil aqal atas naqal adalah,ternyata aqal para pemuja aqal tersebut saling bertentangan sesama mereka dalam menanggapi sesuatu perkara.Lihat contohnya dalam memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah Ta’ala aqal firqoh manakah yang akan dijadikan pegangan- *Al Jahmiyyah*, *Al-Mu’attilah*, *Al-Musyabbiyah*,*Al-Mu’tazilah* atau *Syiah Rafidhah*?

Untuk rujukan lebih terperinci sila rujuk buku-buku berikut:

- a. Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah,**Menghindari Pertentangan Akal&Wahyu**,Kutub minar,2004

¹⁵ **Biografi al Imam Bukhari rahimahullah (194H – 256H) :**

- Beliau bernama Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari al-Ju’fi *maulahum*,Syaikhul Islam,Imam para huffaz,dan Amirul Mukminin dalam hadiths,serta pemilik banyak karya ilmiah terkhusus kitab Shahih Bukhari.Beliau *rahimahullah* dilahirkan pada Syawal 194H di Bukhara Ukbekistan dan meninggal pada 256H di Samarkhand pada usia 62 tahun.

¹⁶ **Biografi Imam Muhammad bin Shihab Az Zuhri rahimahullah**

- Beliau bernama Muhammad bin Muslim bin Abdillah bin Syihab bin Abdillah az Zuhri,dilahirkan pada tahun 50H di Syam.Merupakan seorang ulama/Imam yang luas ilmunya dalam ilmu hadith.

¹⁷ Inilah sikap seorang muslim yang sebenarnya iaitu prinsip hidupnya adalah “**Ya Allah Ya Tuhan kami! Kami Mendengar dan Kami Patuh Tanpa ragu-ragu.**”

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمُ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Allah dan RasulNya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat": dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.” (an Nuur 24:51)